



Ruj. Kami : KPM.500-4/2/20 JLD 2 ( **32** )  
Tarikh: *13* Ogos 2026

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Ts./Tuan/Puan,

### **PERMOHONAN JAWATAN SCHOOL IMPROVEMENT SPECIALIST COACHES PLUS (SISC+) PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SEBAGAI PEGAWAI RAKAN PEMERKASAAN SOKONGAN INSTRUKSIONAL**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan menjawat jawatan School Improvement Specialist Coaches Plus (SISC+) bagi tahun 2026 dibuka mulai **17 Ogos 2026 hingga 5 September 2026**.

3. Sehubungan dengan itu, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkecualan perlu memastikan maklumat e-Operasi dan e-Pangkat dikemas kini sebelum permohonan dibuat. Ketua Jabatan pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan perakuan permohonan SISC+ ambilan Tahun 2026 dibuat berdasarkan kelayakan syarat-syarat permohonan SISC+ yang sedang berkuat kuasa seperti Lampiran A.

4. Semua permohonan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah dikemukakan melalui **Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)** dan **Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)** masing-masing untuk perakuan selanjutnya sebelum diangkat kepada **Bahagian Profesionalisme Guru (BPG), Kementerian Pendidikan (KPM)** bagi tujuan tindakan selanjutnya.

5. Bagi tujuan menyemak status dan keputusan panggilan temu duga, pemohon boleh melayari laman sesawang **Sistem Pengurusan Pembimbing Peningkatan Sekolah (S3PS)** di <https://sppps.moe.gov.my/> mulai **21 September hingga 25 September 2026**.

6. Untuk maklumat dan pertanyaan berkaitan perkara ini boleh diajukan kepada pegawai kami seperti berikut:

- |                                    |              |                      |
|------------------------------------|--------------|----------------------|
| i. Puan Normazilah binti Jasman    | 03-8884 1065 |                      |
| ii. Encik Safwan Fikri bin Buyamin | 03-8884 1188 | bpg.ukhap@moe.gov.my |

Kerjasama dan perhatian semua pihak dalam memastikan proses permohonan, semakan serta perakuan dilaksanakan dengan teratur dan mengikut tempoh yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DR. NOR SAIDATUL RAJEAH BINTI ZAMZAM AMIN)**

Bahagian Profesionalisme Guru  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan

## SYARAT PERMOHONAN

### Syarat Umum

1. Telah disahkan dalam perkhidmatan
2. Mencapai tahap prestasi yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 85% berdasarkan wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)/ Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) bagi tiga (3) tahun terakhir;
3. Bebas daripada tindakan tatatertib;
4. Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun;
5. Bebas daripada senarai peminjam tegar institusi pinjaman pendidikan; dan
6. Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

### Syarat Khusus

1. Berada sekurang-kurangnya pada gred DG12 atau gred setara. Guru cemerlang/guru berprestasi cemerlang/mantan guru cemerlang/pensyarah cemerlang/ mantan pensyarah cemerlang adalah satu kelebihan;
2. Opsyen dan subjek kepakaran adalah berdasarkan lima mata pelajaran berikut:

|                     |            |
|---------------------|------------|
| i. Bahasa Melayu    | iv. Sains  |
| ii. Bahasa Inggeris | v. Sejarah |
| iii. Matematik      |            |
3. Pengalaman mengajar sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam mata pelajaran opsyen;
4. Calon SISC+ opsyen Bahasa Inggeris perlu mempunyai sijil Cambridge Placement Test (CPT)/Aptis/Common European Framework of Reference (CEFR) Readiness Test atau yang setaraf dengannya pada tahap C1 atau C2;
5. Mempunyai baki tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebelum bersara; dan
6. Melepassi tahap kesihatan yang memuaskan (Perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian UP.1.3.10)